

534:  
PELAJARAN

1975

JERTEH, 11 MEI (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MENGUNTUKKAN SEJUMLAH \$5.9 JUTA TAHUN INI UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK PEMBANGUNAN SEKOLAH DI TRENGGANU.

MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN PERLU MELAKSANAKAN PROJEK TERSEBUT MEMANDANGKAN BANYAK SEKOLAH YANG MESTI DIBAIKI SERTA LEBIH BANYAK BANGUNAN TAMBAHAN DIBINA.

BAGAIMANAPUN, PROJEK ITU AKAN DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT BERGANTUNG KEPADA PUNCA KEWANGAN DAN KEUTAMAANNYA.

BERUCAP MERESMIKAN SEKOLAH MENENGAH SERI NERING DISINI HARI INI, DR. MAHATHIR MENYATAKAN KEMENTERIANNYA TELAH MENDAPAT PERUNTUKAN LEBIH \$1,200 JUTA DARI JUMLAH BELANJAUAN NEGARA, TAHUN INI.

KATANYA, SEGALA KEMUDAHAN PELAJARAN TERMASUK BANGUNAN SEKOLAH BELUM DAPAT MENJAMIN KEMAJUAN MURID-MURID.

PERANAN IBUBAPA DAN GURU-GURU SERTA KERJASAMA ANTARA KEDUA PIHAK ADALAH JUGA PERLU BAGI MEMAJUKAN PELAJARAN ANAK-ANAK, TAMBAHNYA.  
-- BERSAMBUNG 1355/SZ

537:  
PELAJARAN 2 JERTEH

DR. MAHATHIR BERKATA KETAGIHAN DADAH HENDAKLAH DIAWASI OLEH SETIAP IBUBAPA DAN GURU DIKALANGAN MURID-MURID SEKOLAH.

TAMBAH BELIAU, KEMENTERIANNYA MEMANDANG BERAT MASAALAH DADAH DAN LANGKAH-LANGKAH POSITIF SEDANG DIAMBIL UNTUK MEMBASMI KETAGIHAN DADAH DIKALANGAN MURID-MURID.

KATANYA, KAUM PELAJAR PERLU MENDAPAT BIMBINGAN DARI IBUBAPA DAN GURU-GURU SERTA GULUNGAN MASYARAKAT YANG LAIN.

BELIAU BERKATA IBUBAPA HENDAKLAH BENAR-BENAR FAHAM PELUANG PEKERJAAN YANG TIDAK TERHAD KEPADA SATU ATAU DUA JENIS PEKERJAAN SAJA.

MENURUT BELIAU, JIKA ADA ANAK-ANAK MEREKA YANG MEMPUNYAI MINAT DAN CENDERONG DALAM PERTANIAN MEREKA HENDAKLAH MENGGALAKKAN MEREKA MENJADI PETANI MODEN YANG MANA KEDUDUKANNYA SAMA SEPERTI PEKERJA-PEKERJA LAIN. -- BERNAMA 1358/SZ

590:  
PELAJARAN 3 JERTEH (SAMBUNGAN BERITA 537)

KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH KEBANGSAAN TANAH MERAH DI BESUT, DR. MAHATHIR BERKATA, KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MEMBUKA SEMBILAN BUAH SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI SELURUH NEGARA DALAM 11 BUAH SEKOLAH MENENGAH SAINS.

KATANYA, KEMENTERIAN JUGA SEDANG BERUSAHA UNTUK MENAMBAH BILANGAN SEKOLAH MENENGAH SAINS UNTUK MEMBANTU PARAPELAJAR MELANJUTKAN PELAJARAN MEREKA.

BELIAU JUGA MENYERU PARA GURU SUPAYA BERAMAH MESRA DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT DI KAWASAN MASING-MASING.

KATANYA, MEREKA JANGANLAH BERSIFAT SOMBONG DAN BERMEGAH-MEGA. --  
BERNAMA HM 1859

173